

BULETIN

PEJABAT DAERAH BELURU

EDISI
2024
Januari - Disember



untuk mendapatkan Buletin Pejabat Daerah
Beluru secara digital



do.beluru@sarawak.gov.my

DARI MEJA PEGAWAI DAERAH BELURU



Salam Sejahtera & Salam Sarawak Maju Makmur,

Buletin Pejabat Daerah Beluru merupakan edisi pertama yang dihasilkan untuk bulan Januari sehingga Disember 2024 dengan memaparkan program-program dan aktiviti yang telah diadakan samaada dianjurkan oleh Pejabat Daerah Beluru mahupun dengan kerjasama agensi-agensi lain. Diharapkan maklumat-maklumat sebegini akan memberi manfaat yang berguna kepada semua. Selamat Menyambut Tahun Baru 2025.

Sekian, Terima Kasih.

***Charles Aloysius Lisu
(Pegawai Daerah Beluru)***

EDITOR:
1. SAO ESTHER MAIDERI ANAK IBAN
2. ENCIK ASHAHRI BIN ABDUL GHANI



ISI KANDUNGAN

AKTIVITI/PROGRAM

MUKA SURAT

• Taklimat Ringkas Kepada Kakitangan Baru Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar.	1
• Mesyuarat Jawatankuasa Aktiviti Islam Beluru Bil.1/2024 dan Taklimat Profail Daerah Beluru.	2
• Taklimat Program PADU.	3
• Mesyuarat Kakitangan Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar Bil 1/2024	4
• Majlis Amanat Perdana YAB Premier Sarawak 2024.	5
• Menyantuni Kakitangan Pejabat Daerah Beluru : Encik Ricky Anak Bayang.	6
• Perasmian Sukan Tahunan Sekolah Dan Dewan Serbaguna Terbuka SK Kuala Bok.	7
• Perasmian Sukan Tahunan Sekolah 2023/2024 SK Sungai Laong	8
• Sesi Perjumpaan Residen Bahagian Miri Bersama Pegawai Daerah/Pegawai Tadbir Daerah Kecil Bil 1/2024.	9
• “Fun-Filled Retreat Day” Pejabat Daerah Beluru Dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar.	10
• Majlis Penyerahan Surat Pengesahan Penyertaan dan Simbolik Pembayaran Dividen Pembangunan Tanah Hak Adat Bumiputera (NCR)	11
• Majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan Penyerahan Sijil-sijil KMKK Serta Penyerahan Cek-cek MRP	12
• Kunjung Sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2024	13
• Perayaan Tahun Baru Cina 2024	14

ISI KANDUNGAN

AKTIVITI/PROGRAM

MUKA SURAT

• Majlis Penghargaan Cik Yanti Binti Harry.	15
• Program Townhall Sempena Hari Wanita Peringkat Dewan Undangan Negeri N.76 Marudi .	16
• Sumbangan Sempena Bulan Ramadhan dan Tahun Baru Cina 2024	18
• Mesyuarat Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah Beluru Bil 1/2024.	19
• Sesi Penyerahan Komplek Sukan Beluru.	20
• Jerayawara Bubur Lambuk 2024 Anjuran Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) .	21
• Kunjungan Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2024.	24
• Program Randau Pembangunan (Townhall) Majlis Penyerahan Sijil Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum Daerah Telang Usan 2024.	25
• Program Sejati Madani.	26
• Majlis Ramah Tamah Aidilfitri 2024	27
• Pengerami Makai Lemai Mantar Gawai Dayak 2024	28
• Taklimat Petronas SSGP Bersama Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMKK) Daerah Beluru - Tinjar	29
• Mesyuarat Kakitangan Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar Bil 2/2024	30
• Majlis Sambutan Gawai dan Perasmian Rh Suga, Sg Lamah	31

ISI KANDUNGAN

AKTIVITI/PROGRAM

MUKA SURAT

- | | |
|--|----|
| • Taklimat Pengoperasian Pasukan Petugas Khas (PPK) Bagi Menangani Isu Penduduk Sarawak Yang Tidak Mempunyai Taraf Kewarganegaraan . | 32 |
| • Operasi Petugas Khas (PPK) Bagi Menangani Isu Penduduk Sarawak Yang Tidak Mempunyai Taraf Kewarganegaraan. | 33 |
| • Mesyuarat Program Pemerkasaan Komuniti Luar Bandar dan Mesyuarat Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah Beluru Bil 2/2024 . | 34 |
| • Pengerami Ngiling Tikai TR Bakit, Sg Sebubu Tinjar. | 35 |
| • Temasya Olahraga Tahunan Ke-39 SMK Bakong . | 36 |
| • Majlis Gawai Ngiling Tikai Rh Sender Bersama Petronas SSGP 2024 . | 37 |
| • Program Vaksinasi Anti-Rabies Anjing Daerah Beluru dan Daerah Kecil Tinjar . | 38 |
| • NGO Empowerment Program : Digital Literacy For Elderly Women 2024 (Daerah Beluru). | 39 |
| • Majlis Kesyukuran Ketua Kampung Long Loyang | 40 |
| • Kursus Kepimpinan MyDesa Bil 3/2024 Daerah Beluru. | 41 |
| • Ekspo Pendidikan Sarawak Peringkat Daerah Beluru 2024 | 42 |
| • Majlis Sambutan Hari Wanita Sarawak 2024 | 43 |
| • Program Kesedaran Keselamatan Kebakaran | 44 |
| • Program Sumbangan Kasih Sempena “Hungry Ghost Festival” | 45 |

ISI KANDUNGAN

AKTIVITI/PROGRAM

MUKA SURAT

• Program 3M Buaya (Mengenali, Memahami & Memulihara Buaya).	46
• Program Outreach KWSP.	47
• Majlis Perasmian Sukan Temasya Hari Sukan Tahunan SK Long Lapok Kali Ke-33.	48
• Program Kampung Angkat Pergigian.	49
• Bencana Kebakaran Rh Niga,Sungai Nyiro,Tinjar .	50
• Majlis Penutupan Program Bantuan MyLesen Memandu B2 Peringkat N.76 Marudi.	51
• Program Pemerkasaan Komuniti 2024.	52
• Pesta Gelimeh Berawan Sarawak 2024	53
• Jelajah Integriti Siri 17 Bil.8/2024 Daerah Beluru.	54
• Majlis Perasmian Karnival STEM (Sekolah Rendah) Tahun 2024	55
• Majlis Makan Malam “Christmas Cheer With Pejabat Daerah Beluru & Pejabat Daerah Kecil Tinjar”.	56
• Mesyuarat Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah Beluru Bil 4/2024	57
• Mesyuarat Pengurusan Bencana Tahun 2024	58

**TAKLIMAT KEPADA KAKITANGAN BARU PEJABAT
DAERAH BELURU DAN PEJABAT DAERAH KECIL TINJAR
TARIKH : 4 - 5 JANUARI 2024
TEMPAT : PEJABAT DAERAH BELURU**

Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan satu sesi taklimat ringkas berkenaan Pendaftaran Probet, Pengurusan Sijil Anak Angkat, Pengurusan Senapang patah, Pendaftaran Nama-nama Perniagaan dan Tatacara menjawab catatan di dalam sistem CACTUS.



Sesi taklimat ringkas berkenaan Pendaftaran Probet dan Pengurusan Sijil Anak Angkat.



Sesi taklimat berkenaan Pengurusan Senapang Patah.

MESYUARAT JAWATANKUASA AKTIVITI ISLAM BELURU BIL 1/2024(JATAIM) DAN TAKLIMAT PROFAIL DAERAH BELURU

TARIKH : 8 JANUARI 2024

TEMPAT : PEJABAT DAERAH BELURU

Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Aktiviti Islam Beluru Bil 1/2024 yang di pengerusikan oleh Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru. Turut hadir semasa mesyuarat adalah wakil Balai Polis Beluru, wakil dari Jabatan Pertanian Beluru dan lain - lain agensi yang terlibat. Selepas mesyuarat Pejabat Daerah Beluru juga mengadakan satu sesi taklimat profail Daerah Beluru yang oleh SAO Deo Keneth Bin Dibek, Pegawai Menguasa Pejabat Daerah Kecil Tinjar.



Sesi Mesyuarat Jawatankuasa Aktiviti Islam Beluru.



Sesi Taklimat Profail Daerah Beluru

TAKLIMAT PROGRAM PADU
TARIKH : 9 JANUARI 2024
TEMPAT : PEJABAT DAERAH BELURU

Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan satu sesi perjumpaan bersama Ketua-ketua Masyarakat Daerah Beluru berkenaan dengan pelaksanaan Program PADU. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Iswandi daripada Jabatan Perangkaan Daerah Miri. Turut hadir semasa sesi taklimat ialah SAO Esther Maideri Anak Iban Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru, SAO Deo Keneth Bin Dibek Pegawai Menguasa Pejabat Daerah Kecil Tinjar dan Ketua-ketua Masyarakat di Daerah Beluru.



MESYUARAT KAKITANGAN PEJABAT DAERAH BELURU DAN PEJABAT DAERAH KECIL TINJAR BIL 1/2024

TARIKH : 11 JANUARI 2024

TEMPAT : PEJABAT DAERAH BELURU

Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan Mesyuarat Kakitangan Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar Bil 1/2024. Mesyuarat yang bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Beluru telah dihadiri oleh kakitangan Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar.



Sesi Mesyuarat Kakitangan Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar.



Antara gambar semasa sesi penyerahan “Welcoming Gift” dan hamper kepada Kakitangan yang baru menimang cahaya mata kepada kakitangan baru Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar.

**MAJLIS AMANAT PERDANA YAB PREMIER SARAWAK
2024 MELALUI APLIKASI ZOOM
TARIKH : 12 JANUARI 2024
TEMPAT : PEJABAT DAERAH BELURU**

Kakitangan Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar telah menyaksikan Majlis Amanat Perdana YAB Premier Sarawak melalui aplikasi Zoom. Majlis Amanat Perdana ini diadakan di Borneo Convention Centre Kuching.



**MENYANTUNI KAKITANGAN PEJABAT DAERAH
BELURU : EN.RICKY ANAK BAYANG
TARIKH : 24 JANUARI 2024
TEMPAT : BEREK JKR**

Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru bersama SAO Marliney dan SAO Jamilah Binti Omar, Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru telah menyantuni kakitangan Pejabat Daerah Beluru iaitu Encik Ricky Anak Bayang yang telah mengalami kecederaan semasa bermain bola sepak mewakili pasukan bola sepak dalam Karnival SCS Jabatan Premier Sarawak Bersama Pejabat Residen Dan Daerah Sarawak Edisi Ke-IV(JPS-R&DO 2023) bertempat di Sri Aman.



PERASMIAN SUKAN TAHUNAN SEKOLAH DAN DEWAN SERBAGUNA TERBUKA SK KUALA BOK

TARIKH : 25 JANUARI 2024

TEMPAT : SK KUALA BOK

Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi telah merasmikan Sukan Tahunan Kebangsaan Kuala Bok dan merasmikan Dewan Terbuka SK Kuala Bok. Turut hadir adalah SAO Alvin Mang Anak Nyuim mewakili Pegawai Daerah Beluru, Encik Goyang Anak Bengkar Guru Besar SK Kuala Bok, Cr Edward Mendai Pengerusi Majlis Daerah Marudi, YDP PIBG Tr Magdeline Jepon, Pemanca Enggah, Penghulu Musin, Ahli-ahli Majlis, Ibu bapa serta pelajar-pelajar SK Kuala Bok.



Ketibaan dan Kata-kata aluan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi



Sesi perasmian Sukan Tahunan Sekolah dan Dewan Serbaguna Terbuka SK Kuala Bok.



PERASMIAN SUKAN TAHUNAN SEKOLAH SK SUNGAI LAONG 2023/2024

TARIKH : 25 JANUARI 2024

TEMPAT : SK SUNGAI LAONG

Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi telah merasmikan Kejohanan Sukan Tahunan SK Sungai Laong untuk tahun 2023/2024. Turut hadir adalah SAO Alvin Mang Anak Nyuim mewakili Pegawai Daerah Beluru, Encik Johnny Harris Bin Mohamad Shamsudin Guru Besar SK Sg Laong, YDP PIBG Encik John Malang, Tuai-tuai Rumah berdekatan, Ibu bapa serta Pelajar-pelajar SK Sungai Laong.



Ketibaan Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi.



Kata- kata aluan dan perasmian majlis oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi.



**SESI PERJUMPAAN RESIDEN BAHAGIAN MIRI
BERSAMA PEGAWAI DAERAH / PEGAWAI TADBIR
DAERAH KECIL BIL 1/2024.
TARIKH : 25 JANUARI 2024
TEMPAT : PEJABAT RESIDEN BAHAGIAN MIRI**

Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru bersama SAO Deo Keneth Bin Dibek Pegawai Menguasa Pejabat Daerah Kecil Tinjar telah menghadiri sesi perjumpaan Residen Bahagian Miri bersama Pegawai Daerah/Pegawai Tadbir Daerah Kecil Bil 1/2024. Selepas sesi perjumpaan Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru juga telah menyerahkan Buletin Pejabat Daerah Beluru Edisi 2/2023 kepada Residen Bahagian Miri Tuan Haji Jamalie Bin Haji Busri, Timbalan Residen Tuan Juan Ubit dan kepada Pegawai-pegawai Daerah yang lain.



Sesi bergambar bersama Residen Bahagian Miri Tuan Haji Jamalie Bin Haji Busri



Antara gambar semasa sesi penyerahan Buletin Pejabat Daerah Beluru

**“FUN - FILLED RETREAT DAY” PEJABAT DAERAH
BELURU DAN PEJABAT DAERAH KECIL TINJAR.
TARIKH : 27 JANUARI 2024
TEMPAT : BORNEO TROPICAL RAINFOREST RESORT**

Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan program “Fun-Filled Retreat Day” dan Majlis Penghargaan kepada Puan Annis Anak Cosmas Alexander Kanda Pembantu Tadbir (P/O) N19 Pejabat Daerah Beluru yang berpindah tempat bertugas ke Pejabat Daerah Miri . Program ini telah di sertai oleh 30 Orang Kakitangan Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar.



Antara gambar semasa Majlis Penghargaan dan penyerahan cenderahati kepada Puan Annis Anak Cosmas Alexander Kanda.



Sesi bergambar bersama Kakitangan Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar



Sila scan QR Code untuk menonton video .

MAJLIS PENYERAHAN SURAT PENGESAHAN PENYERTAAN PROJEK DAN SIMBOLIK PEMBAYARAN DIVIDEN PROJEK PEMBANGUNAN TANAH HAK ADAT BUMIPUTERA (NCR) .

TARIKH : 3 FEBRUARI 2024

TEMPAT : RUMAH SOFIA, SG KELABIT



Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi telah menghadiri Majlis Penghargaan Surat Pengesahan Penyertaan Projek dan Simbolik Pembayaran Dividen Projek Pembangunan Tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) Kawasan Selepín Bakong. Turut hadir adalah SAO Marliney Anak Igil Mewakili Pegawai Daerah Beluru, Tuan Alexander Asing Setiusaha Politik Kepada YAB Premier, Encik Akoi Ejoí wakil Setiusaha Tetap M-FICORD Encik Akoi Ejau, Tan Sri Yee Ming Seng Pengarah Urusan DD Pelita Bakong Plantation Sdn Bhd, Ketua-ketua Masyarakat dan Ketua-ketua Kaum Setempat.



MAJLIS PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT DAN PENYERAHAN SIJIL-SIJIL KMKK SERTA PENYERAHAN CEK-CEK MRP .

TARIKH : 4 FEBRUARI 2024

TEMPAT : RUMAH MORGAN SANDAH,SG NYIPA BAKONG

Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi telah menghadiri Majlis Pemimpin Bersama Rakyat Dan Penyerahan Sijil-Sijil KMKK Serta Penyerahan Cek-Cek MRP Di Rumah Morgan Sandah, Sg Nyipa Bakong. Turut hadir semasa Majlis ini adalah Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru bersama Pegawai-pegawai dan Kakitangan dari Pejabat Daerah Beluru, Counselor Edward Mendai Pengerusi Majlis Daerah Marudi, Pemanca Enggah Anak Muga Pemanca Daerah Beluru, Barisan Penghulu, Ketua-ketua Kaum dan Warga Kampung setempat. Tuut diadakan semasa majlis tersebut ialah Taklimat Pengurusan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang disampaikan oleh SAO Marliney Anak Igil, Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru. Dianggarkan sebanyak 300 Orang yang hadir



KUNJUNGAN SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2024 .

TARIKH : 13 FEBRUARI 2024

TEMPAT : BELURU

Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi bersama Sao Esther Maideri Anak Iban, Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru dan Sao Alvin Mang Anak Nyuim, Penolong Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Kecil Tinjar, Cr Edward Mendai Pengerusi Majlis Daerah Marudi Pemanca dan Penghulu-penghulu kawasan berpeluang mengunjungi beberapa rumah komuniti cina di kawasan Beluru dan Lapok sempena menyambut Tahun Baru Cina.



PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2024.
TARIKH : 23 FEBRUARI 2024
TEMPAT : PEJABAT DAERAH BELURU

Bersempena Tahun Baru Cina Pejabat Daerah Beluru telah menjemput Persatuan Tarian Singa dari SMK Pei Min Miri untuk melakukan persembahan Tarian Singa.



MAJLIS PENGHARGAAN CIK YANTI BINTI HARRY

TARIKH : 4 MAC 2024

TEMPAT : PEJABAT DAERAH BELURU

Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan Majlis Penghargaan kepada Cik Yanti Binti Harry Pembantu Tadbir (P/O) N19 Pejabat Daerah Beluru yang akan berpindah tempat bertugas ke Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Samarahan. Cik Yanti Binti Harry telah berkhidmat selama 15 tahun bertugas di Pejabat Daerah Beluru. Jasa Beliau sepanjang perkhidmatan amatlah dihargai dan Selamat maju jaya berkhidmat di tempat baru.



PROGRAM TOWNHALL SEMPERNA HARI WANITA PERINGKAT DEWAN UNDANGAN NEGERI N.76 MARUDI 2024

TARIKH : 9 MAC 2024

TEMPAT : DEWAN MASYARAKAT, BELURU

Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap Adun N.76 Marudi telah Merasmikan Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat DUN N.76 Marudi telah diadakan di Dewan Masyarakat Beluru. Bersempena Hari Wanita ini turut juga diadakan sesi Townhall dan perkongsian ilmu dan pengalaman daripada Puan Rose Anak Edward Pemangku Pegawai Daerah Marudi sebagai Panel 1, Puan Mujan Lah Director Baram Utama Sdn Bhd Sebagai Panel 2, Puan Nurul Shaidatul Hadia Binti Mohd Saifullah Pegawai Sains Pemakanan sebagai Panel 3, Puan Mariana Murib Director SM Ecofarm Sebagai Panel 4. Turut hadir adalah Pegawai Daerah Beluru Tuan Charles Aloysius Lisu, Puan Rose Anak Edward Pegawai Daerah Marudi, Cr Edward Mendai Pengerusi Majlis Daerah Marudi, Cik Michelle Setiausaha Majlis Daerah Marudi, Pemanca Enggah Anak Muga, Ketua Pemuda PDP Pusat Tuan David Yeo, Ketua Wanita PDP Pusat Puan Agnes, Penghulu-Penghulu kawasan, Ketua-Ketua Kampung, Kapitan-kapitan dan yang diraikan para wanita di kawasan Beluru.



Ketibaan Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi



Booth-booth semasa Program Townhall



Sesi perkongsian ilmu dan pengalaman



**SUMBANGAN SEMPENA BULAN RAMADHAN DAN TAHUN
BARU CINA 2024 KEPADA KAKITANGAN PEJABAT DAERAH
BELURU DAN TINAR
TARIKH : 18 MAC 2024
TEMPAT : PEJABAT DAERAH BELURU**

Sumbangan sempena bulan Ramadhan dan Tahun Baru Cina 2024 kepada kakitangan Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinar yang telah disampaikan oleh Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru.



MESYUARAT FOCUS GROUP KESEJAHTERAAN RAKYAT PERINGKAT DAERAH BELURU BIL 1/2024

TARIKH : 19 MAC 2024

TEMPAT : BILIK MESYUARAT ARAS 9, KOMPLEKS ISLAM MIRI

Pihak Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan Mesyuarat Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah Beluru Bil 1/2024 yang dipengerusikan oleh Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru.



SESI PENYERAHAN KOMPLEKS SUKAN BELURU

TARIKH : 21 MAC 2024

TEMPAT : KOMPLEKS SUKAN BELURU

Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru bersama SAO Esther Maideri Anak Iban Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru dan SAO Deo Keneth Bin Dibek@David Pegawai Menguasa Pejabat Daerah Kecil Tinjar telah menghadiri sesi penyerahan Kompleks Sukan Beluru diantara Majlis Daerah Marudi dan Sarawak Sport Council.



**JERAYAWARA BUBUR LAMBUK 2024 ANJURAN
PERSATUAN MENCEGAH DADAH MALAYSIA (PEMADAM)
CAWANGAN DAERAH BELURU
TARIKH : 03 APRIL 2024
TEMPAT : PASAR BARU BAKONG,BELURU**

Pihak Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan Jerayawara Bubur Lambuk Anjuran Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Cawangan Daerah Beluru. Bubur Lambuk di edarkan kepada beberapa agensi kerajaan yang berada di Daerah Beluru dan kepada orang awam yang berada di Kampung Melayu Bakong dan di Pasar Baru Bakong, Beluru. Selepas mengedar bubur lambuk majlis berbuka puasa juga di adakan pada hari tersebut anjuran Jawatankuasa Aktiviti Islam (JATAIM) Daerah Beluru. Turut hadir semasa agihan Bubur Lambuk dan Majlis Berbuka Puasa Adalah Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru, SAO Esther Maideri Anak Iban Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru, SAO Marliney Anak Igil, Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru, SAO Deo Keneth Bin Dibek, David Pegawai Menguasa Pejabat Daerah Kecil Tinjar, Pemanca Enggah, Penghulu Abdullah Bin Samad, Puan Rosanah Binti Tapa Ketua Kampung Melayu, serta penduduk kampung di sekitar Kampung Melayu Bakong.





Agihan Bubur Lambuk kepada agensi kerajaan di Daerah Beluru dan di Kawasan Pasar Beluru



Kata-kata aluan daripada Ketua Kampung dan amanat oleh Pegawai Daerah Beluru



Simbolik perasmian Majlis Berbuka Puasa

**KUNJUNGAN SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI
2024
TARIKH : 12 APRIL 2024
TEMPAT : BELURU**

Yang Berhormat Datuk Dr Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi bersama Sao Marliney Anak Agil , Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru, Sao Esther Maideri Anak Iban, Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru dan Sao Alvin Mang Anak Nyuim, Penolong Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Kecil Tinjar, Cr Edward Mendai Pengerusi Majlis Daerah Marudi Pemanca dan Penghulu dan Tuai Rumah di kawasan sekitar telah berpeluang mengunjungi beberapa rumah komuniti Melayu di kawasan Beluru dan Lapok sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.



PROGRAM RANDAU PEMBANGUNAN (TOWNHALL) MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KETUA MASYARAKAT & KETUA KAUM DAERAH TELANG USAN 2024 TARIKH : 19 APRIL 2024 TEMPAT : DEWAN SJK(C) KEE TEE LONG LAMA



Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru bersama SAO Esther Maideri Anak Iban, Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru, SAO Deo Kenneth Bin Dibek@David, Pegawai Menguasa Pejabat Daerah Kecil Tinjar dan beberapa kakitangan daripada Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar telah menghadiri program ini. Program ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Anyi Ngau, Ahli Parlimen P220 Baram dan Majlis Penutupan Program di sempurnakan Oleh Yang Berhormat Dato Dennis Ngau, Ahli Dewan Undangan Negeri N.77 Telang Usan. Pada Majlis ini juga Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru juga menyerahkan Sijil KMKK kepada KMKK Daerah Kecil Tinjar.



PROGRAM SEJATI MADANI
TARIKH : 30 APRIL 2024
TEMPAT : BILIK MESYUARAT PEJABAT DAERAH BELURU

Pihak Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak, Pejabat Zon Miri telah mengadakan Program Sejahtera Komuniti Madani (Sejati Madani) Kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Beluru.



MAJLIS RAMAH TAMAH AIDILFITRI 2024

TARIKH : 4 MEI 2024

TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG MELAYU BAKONG



Majlis Ramah Tamah Aidilfitri 2024 bertempat di Kampung Melayu anjuran Jawatankuasa Aktiviti Islam (JATAIM) Daerah Beluru dan Jawatankuasa dan Keselamatan Kampung (JKKK) Melayu, Bakong dengan kerjasama Pejabat Daerah Beluru. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi. Turut hadir adalah Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru, Cr Edward Mendai Pengerusi Majlis Daerah Marudi, Penghulu-penghulu kawasan, Ketua-ketua kampung dan Penduduk kampung di Kampung Melayu Bakong



PENGERAMI MAKAI LEMAI MANTAR GAWAI DAYAK 2024

TARIKH : 11 MEI 2024

TEMPAT : EASTWOOD VALLEY GOLF AND COUNTRY CLUB MIRI

Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan telah merasmikan Majlis Pengerami Makai Lemai Mantar Gawai Dayak 2024 Peringkat N76 Marudi yang bertemakan “Beserakup Kitai Tegap” bertempat di Eastwood Valley Golf & Country Club Miri. Turut hadir semasa majlis ini adalah Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru, SAO Esther Maideri Anak Iban Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru, SAO Deo Keneth Bin Dibek @ David, Pegawai Menguasa Pejabat Daerah Kecil Tinjar bersama beberapa orang kakitangan daripada Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar.



**TAKLIMAT PETRONAS SSGP BERSAMA KETUA
MASYARAKAT & KETUA KAUM (KMKK) BELURU - TINJAR**
TARIKH : 16 MEI 2024
TEMPAT : DEWAN MASYARAKAT BELURU

Satu sesi taklimat oleh Pihak Petronas SSGP Bersama Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMKK) Daerah Beluru dan Daerah Kecil Tinjar. Sesi taklimat ini berkenaan dengan penamatan projek gas pipeline dan survei oleh Pihak Chemsain Consultant.



MESYUARAT KAKITANGAN PEJABAT DAERAH BELURU DAN PEJABAT DAERAH KECIL TINJAR BIL 2/2024

TARIKH : 17 MAY 2024

TEMPAT : PEJABAT DAERAH BELURU

Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan Mesyuarat Kakitangan Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar Bil 2/2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Beluru mesyuarat ini dihadiri oleh kakitangan Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar selepas mesyuarat sesi penyerahan sumbangan sempena perayaan Hari Gawai di serahkan kepada Pegawai dan Kakitangan Pejabat yang meraikannya. Pada petangnya pula pihak Pejabat Daerah Beluru juga mengadakan sesi gotong royong untuk membersihkan kawasan pejabat.



MAJLIS SAMBUTAN GAWAI & PERASMIAN RH SUGA, SG LAMAH

TARIKH : 08 JUN 2024

TEMPAT : RH SUGA, SG LAMAH, TINJAR

Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi telah menghadiri Majlis Sambutan Gawai & Perasmian Rh Suga Sg Lamah .Turut hadir adalah SAO Deo Keneth Bin Dibek @ David, Pegawai Menguasa Pejabat Daerah Kecil Tinjar,Cr Edward Mendai Pengerusi Majlis Daerah Marudi, pihak Bomba Lopeng,Polis Di Raja Malaysia Marudi, Penghulu Kalang Anak Ami, Ahli-ahli Majlis, Tuai-tuai Rumah dan Penduduk berdekatan. Selepas Majlis Sambutan Gawai & Perasmian Rh Suga Rombongan YB Datuk juga mengadakan lawatan ke Rh Kumbau yang merupakan rumah panjang baru di kawasan Sg Lamah.



TAKLIMAT PENGOPERASIAN PASUKAN PETUGAS KHAS (PPK) BAGI MENANGANI ISU PENDUDUK SARAWAK YANG TIDAK MEMPUNYAI TARAF KEWARGANEGARAAN

TARIKH : 11 JUN 2024

TEMPAT: DEWAN MASYARAKAT BELURU

Pada 11 Jun 2024, Pejabat Daerah Beluru bersama pihak Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak (UKPS) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah mengadakan sesi taklimat Pengoperasian Pasukan Petugas Khas (PPK) Bagi Menangani Isu Penduduk Sarawak Yang Tidak Mempunyai Taraf Kewarganegaraan.



OPERASI PASUKAN PETUGAS KHAS (PPK) BAGI MENANGANI ISU PENDUDUK SARAWAK YANG TIDAK MEMPUNYAI TARAF KEWARGANEGARAAN

TARIKH : 18 - 30 JUN 2024

TEMPAT: DAERAH BELURU & DAERAH KECIL TINJAR

Pada 18 - 30 Jun 2024, Pihak Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak bersama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan Operasi Pasukan Khas (PPK) bagi Menangani Isu Penduduk Sarawak Yang Tidak Mempunyai Taraf Kewarganegaraan. Jadual perjalanan Operasi PPK 18 - 20 Jun 2024 di Dewan Masyarakat Beluru, 22 - 24 Jun 2024 di Dewan Serbaguna Uma Buwat, Rh Wen Magelit, Batu Baled, Tinjar, 26 - 27 Jun 2024 di Dewan RSC Apau Nyaring, Ulu Tinjar dan 29 - 30 Jun 2024 di Dewan Long Loyang.



Operasi PPK di Dewan Masyarakat beluru



Operasi PPK di Dewan Serbaguna Uma Buwat, Rh Wen Magelit



Operasi PPK di Dewan RSC Apau Nyaring



Operasi PPK di Dewan Long Loyang

MESYUARAT PROGRAM PEMERKASAAN KOMUNITI LUAR BANDAR (RSC APAU NYARING) DAN MESYUARAT FOCUS GROUP KESEJAHTERAAN RAKYAT PERINGKAT DAERAH BELURU BIL 2/2024
TARIKH : 21 JUN 2024
TEMPAT: KOMPLEKS ISLAM MIRI

Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan Mesyuarat Program Pemerkasaan Komuniti Luar Bandar (RSC Apau Nyaring) dan Mesyuarat Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah Beluru Bil 2/2024 yang dipengerusikan oleh Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru.



Mesyuarat Program Pemerkasaan Komuniti Luar Bandar (RSC Apau Nyaring)



Mesyuarat Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah Beluru Bil 2/2024

PENGERAMI NGILING TIKAI TR BAKIT SG SEBUBU TINJAR

TARIKH : 23 JUN 2024

TEMPAT: RH BAKIT, SG SEBUBU

Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi telah merasmikan majlis Ngiling Tikai Rh Bakit Sg Sebubu Tinjar. Selepas Perasmian rombongan YB Datuk juga turut melawat Operasi PPK yang berada di Dewan Serbaguna Uma Buwat, Rh Wen Magelit.



TEMASYA OLAHRAGA TAHUNAN KE-39 SMK BAKONG
TARIKH : 26 JUN 2024
TEMPAT: KOMPLEKS SUKAN BELURU



Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru telah mewakili Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, merasmikan Temasya Olahraga Tahunan ke-39 SMK Bakong. Turut hadir adalah SAO Esther Maideri Anak Iban, Pegawai Tadbir, Pejabat Daerah Beluru, SAO Mohd Firdaus Mohaimin, Penolong Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru, Pengetua SMK Bakong, YDP PIBG, Kakitangan, dan Pelajar-pelajar SMK Bakong.



**MAJLIS GAWAI NGILING TIKAI RH SENDER BERSAMA
PETRONAS SSGP 2024
TARIKH : 28 JUN 2024
TEMPAT: RH SENDER**

Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi telah merasmikan majlis Ngiling Bidai SSGP 2024 di Rh Sender Anak Anyah, Sg Ampun



**PROGRAM VAKSINASI ANTI-RABIES ANJING DAERAH
BELURU DAN DAERAH KECIL TINJAR
TARIKH : 29 - 30 JUN 2024
TEMPAT: TAPAK PARKING KERETA PEJABAT DAERAH
BELURU DAN DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG MUHIBAH
LAPOK.**

Pihak Jabatan Veterinar Bahagian Miri telah mengadakan Program Vaksinasi Anti-Rabies Daerah Beluru dan Daerah Kecil Tinjar. Pada 29 Julai 2024 sebanyak 38 ekor anjing di beri suntikan 1st dose dan booster bertempat di Tapak Parking kereta Pejabat Daerah Beluru dan 30 Jun 2024 sebanyak 25 ekor anjing di beri suntikan 1st dose dan Booster bertempat di Dewan Serbaguna Kampung Muhibah Lapok.



NGO EMPOWERMENT PROGRAM : DIGITAL LITERACY FOR ELDERLY WOMEN 2024 (DAERAH BELURU)

TARIKH : 5 - 6 JULAI 2024

TEMPAT: PUSAT SEBARAN MAKLUMAT NASIONAL (NADI)
PEKAN BELURU

Pejabat Daerah Beluru dengan kerjasama Jabatan Wanita Keluarga Sarawak (JWKS) telah mengadakan program NGO Empowerment : Digital Literacy For Elderly Women 2024 (Daerah Beluru). Objektif Program ini adalah untuk memberi ilmu pengetahuan berkenaan asas literasi digital yang diaplikasi di dalam kehidupan seharian dan mendidik peserta berkenaan cara mengenalpasti dan mengelak daripada terjebak di dalam penipuan secara atas talian.



MAJLIS KESYUKURAN KETUA KAUM KAMPUNG LONG LOYANG

TARIKH : 27 JULAI 2024

TEMPAT: KAMPUNG LONG LOYANG

SAO Alvin Mang Anak Nyuim, Penolong Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Kecil Tinjar telah menghadiri Majlis Kesyukuran Ketua Kaum Kampung Long Loyang dan mewakili Yang Berhormat Dato Dennis Ngau, Ahli Dewan Undangan Negeri N.77 Telang Usan bagi merasmikan majlis tersebut.



KURSUS KEPIMPINAN MYDESA BIL 3/2024 DAERAH BELURU

TARIKH : 16- 18 JULAI 2024

TEMPAT: MEGA HOTEL MIRI

Institut Kemajuan Desa (INFRA) Cawangan Sarawak dengan kerjasama Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan Kursus Kepimpinan MyDesa Bil 3/2024 untuk Daerah Beluru. Kursus ini telah disertai seramai 120 orang peserta yang terdiri daripada ahli JKKK daripada 24 buah kampung yang dipilih di bawah urus tadbir Pejabat Daerah Beluru. Majlis Perasmian Penutupan Kursus MyDesa Bil 3/2024 Daerah Beluru telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Merangkap ADUN N.76 Marudi



EKSPLO PENDIDIKAN SARAWAK PERINGKAT DAERAH BELURU TAHUN 2024

TARIKH : 27 JULAI 2024
TEMPAT: DEWAN MASYARAKAT BELURU

Pejabat Daerah Beluru dengan kerjasama Yayasan Sarawak telah mengadakan Ekspo Pendidikan Sarawak Peringkat Daerah Beluru. Sesi Perasmian telah di lakukan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg, Premier Sarawak di Dewan Tan Sri Aziz, Kolej Universiti i-Cats Kuching dan secara atas talian melalui portal Google Meet. Perasmian di peringkat Daerah Beluru program ini telah di rasmikan oleh Tetamu Kehormat Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil , Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi.Semasa program ini juga seramai 9 orang pelajar dari SMK Tinjar dan 1 orang pelajar SMK Bakong telah menerima hadiah pelajar cemerlang SPM tahun 2023.Sebanyak 5 institusi pendidikan milik Kerajaan Sarawak (University Of Technology Sarawak, Centre Of Technical Excellence Sarawak (CENTEX), Sarawak Skill,Swinburne University Of Technology,iCATS University College) telah mengadakan pameran semasa ekspo ini.



MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA SARAWAK 2024
PERINGKAT DAERAH BELURU
TARIKH : 10 OGOS 2024
TEMPAT: PEJABAT DAERAH BELURU

Pihak Pejabat Daerah Beluru dengan Kerjasama Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) telah mengadakan hari wanita peringkat daerah beluru. Turut hadir adalah SAO Jamilah binti Omar wakil Pegawai Daerah Beluru, SAO Esther Maideri anak Iban, Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru, SAO Deo Keneth bin Dibek @ David, Pegawai Menguasa Pejabat Daerah Kecil Tinjar, Kakitangan Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar serta wakil daripada agensi kerajaan di Daerah Beluru.



PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN KEBAKARAN

TARIKH : 17 OGOS 2024

TEMPAT: RH ABOK, ULU TERU

Majlis Penutupan Program Kesedaran Keselamatan Kebakaran telah diadakan di Rumah Abok, Ulu Teru Anjuran Curtin Universiti dan Demo Kebakaran telah dilakukan oleh pihak MSTs Miri. Program ini telah di sempurnakan Oleh Yang Berhormat Dato Anyi Ngau, Ahli Parlimen P220 Baram



PROGRAM SUMBANGAN KASIH SEMPENA HUNGRY GHOST FESTIVAL

TARIKH : 18 OGOS 2024

TEMPAT: TOKONG DA SHEN FU ZHU KONG, LAPOK

Program Sumbangan Kasih Sempena “Hungry Ghost Festival” telah diadakan di Tokong Da Shen Fu Zhu Kong, Lapok Pada 18 Ogos 2024. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Anyi Ngau, Ahli Parlimen P220 Baram. Turut hadir adalah SAO Alvin Mang Anak Nyuim, wakil Pegawai Daerah Beluru, Penghulu Kaum Cina Daerah Beluru, Kapitan Loa Hiew Huat, Kakitangan Pejabat Daerah Kecil Tinjar, serta penduduk yang menerima bantuan dan Penduduk setempat di kawasan Lapok.



PROGRAM 3M BUAYA(MENGENALI, MEMAHAMI & MEMULIHARA BUAYA)

TARIKH : 5 SEPTEMBER 2024

TEMPAT : DEWAN MASYARAKAT BELURU

Program 3M Buaya (Mengenali, Memahami dan Memulihara Buaya) anjuran Sarawak Forestry Corporation telah diadakan di Dewan Masyarakat Beluru pada 5 September 2024. Turut hadir adalah SAO Esther Maideri Anak Iban, wakil Pegawai Daerah Beluru, SAO Deo Keneth bin Dibek @ David, Pegawai Menguasa Pejabat Daerah Kecil Tinjar



PROGRAM OUTREACH KWSP
TARIKH : 5 SEPTEMBER 2024
TEMPAT : PEJABAT DAERAH BELURU

Satu taklimat daripada perkhidmatan KWSP daripada Pihak KWSP Cawangan Miri telah diadakan di Pejabat Daerah Beluru pada 5 September 2024. Turut hadir adalah SAO Esther Maideri Anak Iban, Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru, Kakitangan Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar, serta KMKK Daerah Beluru.



**MAJLIS PERASMIAN SUKAN TEMASYA HARI SUKAN TAHUNAN
SK LONG LAPOK KALI KE-33
TARIKH : 12 SEPTEMBER 2024
TEMPAT : STADIUM BELURU**

SAO Alvin Mang Anak Nyuim, mewakili Pegawai Daerah Beluru telah menghadiri Majlis Perasmian Sukan Temasya Hari Sukan Tahunan SK Long Lapok Kali Ke-33, Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi.



PROGRAM KAMPUNG ANGKAT PERGIGIAN
TARIKH : 14 SEPTEMBER 2024
TEMPAT : RH AGNES NGAREGA, LG LAPOK TINJAR

Program Kampung Angkat Pergigian anjuaran anjuran Klinik Pergigian Jalan Merbau Miri telah diadakan di Rumah Angnes Ngarega Long Lapok Tinjar. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi. Turut hadir ialah Tuan Charles Aloysius Lisu Pegawai Daerah Beluru, Dr Franklin Richard Pegawai Pergigian, Dr Mary Chalang Pengerusi Program Pelancaran Kampung Angkat Pergigian, Cr Mareia Hassan Setiausaha Persatuan Pembangunan Tipun Penan Sarawak (PETIPUN), Dr Khairul Fikri Pakar Kesihatan Awam Pergigian Miri, Ahli-ahli Majlis Daerah Marudi, Penghulu Larek Mat serta Tuai-tuai rumah yang berdekatan



BENCANA KEBAKARAN RH NIGA,SG NYIRUK

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2024

TEMPAT : RH NIGA, SG NYIRO

Pada 27 September 2024 (Jumaat) di Daerah Beluru telah terjadi satu bencana kebakaran bertempat di Rumah Niga, Sungai Nyiro yang melibatkan 46 pintu rumah. Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru bersama Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi serta pegawai-pegawai serta anggota-anggota lain dari pelbagai dibawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Beluru hadir untuk meninjau keadaan penduduk di Rumah Niga, Sungai Nyiro



**MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM BANTUAN MYLESEN
MEMANDU B2 PERINGKAT N.76 MARUDI
TARIKH : 26 OKTOBER 2024
TEMPAT : DEWAN MASYARAKAT BELURU**

Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru menghadiri Majlis Penutupan Program Bantuan Mylesen Memandu B2 Peringkat N.76 Marudi, Majlis ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi. Turut hadir adalah YBhg. Tuan Norizan bin Jili, Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) Sarawak, DSP Nor Aizan bin Mohd Jamil, Ketua Polis Daerah Marudi, Puan Fifi Suhesty binti Asmuni, Ketua Cawangan JPJ Miri, Pemanca Enggah, Penghulu-penghulu dan para peserta program.



PROGRAM PEMERKASAAN KOMUNITI 2024
TARIKH :01 NOVEMBER 2024
TEMPAT : RURAL SERVICE CENTRE (RSC) , APAU NYARING



Program Pemerkasaan Komuniti 2024 telah diadakan di Rural Service Centre (RSC), Apau Nyaring pada 1 November 2024. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru. Turut hadir adalah SAO Deo Keneth bin Dibek @ David, Pegawai Menguasa Pejabat Daerah Kecil Tinjar, SAO Alvin Mang Anak Nyuim, Penolong Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Kecil Tinjar, SAO Firdaus Mohaimin, Penolong Pegawai Tadbir Pejabat Daerah Beluru, Beberapa kakitangan daripada Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar , KMKK Serta penduduk setempat di kawasan Apau Nyaring.



PESTA GELIMEH BERAWAN SARAWAK 2024

TARIKH : 15 - 17 NOVEMBER 2024

TEMPAT : LONG JEGAN, TINJAR BARAM

Pesta Gelimeh Berawan Sarawak 2024 Anjuran Persatuan Berawan Sarawak telah diadakan pada 15 - 17 November 2024 bertempat di Long Jegan, Tinjar Baram. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak Merangkap ADUN N.76 Marudi pada 16 November 2024. Majlis Malam Kebudayaan Sempena Pesta Gelimeh Berawan Sarawak 2024 pula disempurnakan oleh Datin Catherine Awing, Penasihat Persatuan Berawan Sarawak. Majlis Penutupan Pesta Gelimeh Berawan Sarawak disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Gerawat Gala, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Buruh, Imigresen, dan Pemantauan Projek) Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.78 Mulu.



JELAJAH INTEGRITI SIRI 17 BIL.8 DAERAH BELURU

TARIKH : 05 DISEMBER 2024

TEMPAT : RH TAN ANAK LUNSA, SUNGAI TEMAM BAKONG

Pihak Pejabat Daerah Beluru dengan Kerjasama Unit Integriti Dan Ombudsman Sarawak, Jabatan Premier Sarawak telah mengadakan Jelajah Integriti Siri 17 Bil.8 Daerah Beluru pada 5 disember 2024. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Penguang Manggil, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN N.76 Marudi dan Yang Berhormat Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Bin Jaya, Timbalan Menteri Di Jabatan Premier Sarawak (Integriti dan Ombudsman)



**MAJLIS PERASMIAN KEM KARNIVAL STEM(SEKOLAH
RENDAH) TAHUN 2024**
TARIKH : 06 DISEMBER 2024
TEMPAT : DEWAN MASYARAKAT BELURU

SAO Esther Maideri Anak Iban, wakil Pegawai Daerah Beluru telah merasmikan Majlis Perasmian Kem Karnival STEM(Sekolah Rendah)Tahun 2024.



CHRISTMAS CHEER WITH PEJABAT DAERAH BELURU & PEJABAT DAERAH KECIL TINJAR

TARIKH : 07 DISEMBER 2024
TEMPAT : MEGA HOTEL MIRI

Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan Majlis Makan Malam “Christmas Cheer with Pejabat Daerah Beluru dan Pejabat Daerah Kecil Tinjar. Majlis ini telah dirasmikan Tuan Arshad Bin Shamsu, Pemangku Timbalan Residen Bahagian Miri.



**MESYUARAT FOCUS GROUP KESEJAHTERAAN RAKYAT
PERINGKAT DAERAH BELURU BIL 4/2024
TARIKH : 17 DISEMBER 2024
TEMPAT : PEJABAT DAERAH BELURU**

Pihak Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan Mesyuarat Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah Beluru Bil 4/2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Beluru yang dipengerusikan oleh Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru



MESYUARAT PENGURUSAN BENCANA DAERAH BELURU
TAHUN 2024
TARIKH : 19 DISEMBER 2024
TEMPAT : PEJABAT DAERAH BELURU

Pihak Pejabat Daerah Beluru telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan Bencana Daerah Beluru bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Beluru yang dipengerusikan oleh Tuan Charles Aloysius Lisu, Pegawai Daerah Beluru



BULETIN PEJABAT DAERAH BELURU

**PEJABAT DAERAH BELURU
JALAN BANGUNAN KERAJAAN,
98050 BARAM**

Buletin Pejabat Daerah Beluru berserta isi kandungannya adalah hak milik Pejabat Daerah Beluru.

Buletin ini tidak boleh dicetak semula, disalin, ditiru atau diterjemahkan untuk apa-apa tujuan tanpa kebenaran daripada Pejabat Daerah Beluru.

Sebarang artikel, cadangan atau komen amat dialu-alukan.

Sila alamatkan segera amklum balas kepada :

Email : do.beluru@sarawak.gov.my